

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **TUAN ANUAR BIN ABD MANAP**
KAWASAN : **SEKIJANG**
TARIKH :
NO. SOALAN : **84**

SOALAN

TUAN ANUAR BIN ABD MANAP minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah prestasi vendor serta pembekal Proton milik tempatan selepas berlakunya pengambilalihan syarikat tersebut oleh entiti asing dan apakah langkah-langkah yang diambil pihak Kementerian bagi memastikan vendor dan pembekal ini akan dapat terus bersaing dan meneruskan perniagaan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lanjutan daripada pelantikan Geely sebagai rakan kongsi strategik PROTON pada Mei lalu, PROTON pada masa ini sedang melakukan program transformasi bagi menyokong pelan pemulihan PROTON.

Pelan Pemulihan PROTON ini adalah matlamat utama bagi kedua-dua pemegang saham dan bagi mencapai matlamat ini, PROTON telah menubuhkan sebuah pasukan global yang dapat menggembeng pengetahuan terkini pasaran tempatan dan antarabangsa. Kerjasama ini

Salah satu elemen penting di dalam pelan pemulihan tersebut ialah aktiviti-aktiviti pengukuhan para pembekal-pembekal sedia-ada serta pembangunan pembekal-pembekal baharu. Secara dasarnya, PROTON mengekalkan kriteria penilaian dan pemilihan pembekal berdasarkan daya-saing kualiti (*quality*), kos (*cost*), prestasi pembekalan (*delivery*), keupayaan pembangunan (*development capability*) dan ketahanan (*reliability*).

Menurut PROTON, keutamaan akan diberikan kepada pembekal-pembekal sedia ada PROTON merangkumi syarikat-syarikat tempatan serta syarikat-syarikat antarabangsa yang beroperasi di Malaysia. Keutamaan seterusnya akan diberikan kepada pembekal-pembekal sedia ada Geely melalui perkongsian strategik dengan syarikat-syarikat tempatan. Para pembekal baharu akan turut diberikan pertimbangan sekiranya dapat memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Pembangunan teknologi dan Program Penyelidikan & Pembangunan (R&D) PROTON akan dimajukan berdasarkan Pelan Halatuju Kumpulan Geely yang merangkumi teknologi automotif terkini. Oleh yang demikian, PROTON perlu mengenal-pasti pembekal-pembekal yang berkelayakan untuk bersama-sama mereliasasikan Pelan Perancangan Perniagaan PROTON berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

Perkongsian strategik ini juga membawa manfaat kepada para pembekal (*vendor*) dan wakil pengedar tempatan PROTON. Antaranya:

- a) Berpeluang untuk membekalkan komponen berkualiti tinggi dengan kos berdaya-saing menerusi Sistem Pembelian Global Geely;

- b) Meluaskan perniagaan ke pasaran antarabangsa dan dapat bersaing untuk membekalkan komponen untuk operasi Volvo dan Geely di seluruh dunia;
- c) Mempelajari amalan operasi terbaik untuk peningkatan kualiti bagi memenuhi piawaian global Volvo dan Geely; dan
- d) Meningkatkan keupayaan menerusi kerjasama teknikal dan komersil bersama Geely, Volvo atau vendor-vendor antarabangsa yang lain.

Namun begitu, untuk mendapatkan manfaat-manfaat ini, vendor tempatan masih perlu memenuhi standard yang ketat dan *cost, quality* dan *delivery* bagi memastikan PROTON terus kekal berdaya saing.

Dalam hal ini juga, Kerajaan sentiasa prihatin terhadap perkembangan semasa PROTON kerana ia mempunyai impak yang besar kepada negara memandangkan ekosistem PROTON yang melibatkan 10,000 orang pekerja PROTON, hampir 240 vendor serta hampir 50,000 pekerja lain yang terlibat dalam "*supply chain*" PROTON.

Sepertimana yang digariskan dalam Dasar Automotif Nasional 2014, Kerajaan akan terus memberikan sokongan kepada PROTON sebagai projek nasional bagi memastikan kepentingan industri automotif tempatan terpelihara.

Sekian, terima kasih.